

**KERTAS PELAPORAN
JAWATANKUASA PEMANDU
TEKNIKAL STATISTIK (JPTS)**

**KAJIAN TERHADAP DATA BAGI SUBSEKTOR PERKHIDMATAN
YANG TELAH DILIBERALISASIKAN**

Disediakan oleh:

Bahagian Perangkaan Perkhidmatan

Jabatan Perangkaan Malaysia

Ogos 2015

Kertas Pelaporan

Kajian Di Bawah Jawatankuasa Pemandu Teknikal Statistik

1. Tajuk kajian

Kajian Terhadap Data Bagi Subsektor Perkhidmatan Yang Telah Diliberalisasi

1.1 Teras

Strategik 2: Mempertingkatkan penyelidikan dan analisis serta membudayakan inovasi.

1.2 Strategi

Strategi 1: Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis.

2. Latar belakang

2.1. Pengenalan

Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia iaitu sebanyak 53.5% pada tahun 2014. Berdasarkan *Services Sector Blueprint*, sektor perkhidmatan disasar mencapai pertumbuhan KDNK pada kadar 6.7% dengan sumbangan mencapai 58.0% pada tahun 2020.

Liberalisasi sektor Perkhidmatan di Malaysia telah bermula di peringkat *multilateral and regional levels* pada tahun 1995. Di peringkat *regional*, Malaysia telah membuat komitmen di bawah *ASEAN Framework Agreement for Services (AFAS)*. Malaysia telah memulakan liberalisasi *unilateral* bagi 27 subsektor Perkhidmatan bermula April 2009 dan 18 subsektor Perkhidmatan pada Oktober 2011. Pada tahun 2015, di bawah AFAS, sektor Perkhidmatan dijangka akan diliberalisasi sepenuhnya.

Kerajaan telah menubuhkan *Malaysian Services Development Council (MSDC)* pada Januari 2007 yang dipengerusikan Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk memantau dan menyelaraskan pembangunan sektor Perkhidmatan dan juga menyelaraskan program liberalisasi yang dilaksanakan oleh agensi/Kementerian.

Jabatan Perangkaan telah menubuhkan *Technical Working Group on Liberalisation of Services Sub-sectors* (TWGLS) pada tahun 2012 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Perangkawan (Program Ekonomi) bagi memantau dan membekalkan data liberalisasi subsektor Perkhidmatan dan membincangkan isu berbangkit dalam penyusunan data berkenaan.

2.2. Pernyataan masalah (*Problem statement*)

Jabatan Perangkaan Malaysia telah dimohon oleh pihak MITI bagi menyediakan data liberalisasi subsektor Perkhidmatan bagi tujuan pengukuran impak. Bagi tujuan tersebut, aktiviti *mapping* CPC Provisional 1991 bagi setiap 45 subsektor perkhidmatan yang diliberalisasi dengan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) 2008 perlu dilakukan bagi penjanaan data berdasarkan klasifikasi yang digunakan dalam penyiasatan/banci di Jabatan.

Pada tahun 2012, pihak MITI telah bersetuju bahawa data yang akan disediakan bagi perkara ini adalah bilangan pertubuhan, nilai output, bilangan pekerja, net *Foreign Direct Investment* (FDI) dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar).

3. Objektif kajian

Kajian ini dibuat bagi menyediakan *mapping* di antara klasifikasi industri yang digunapakai Jabatan dengan subsektor Perkhidmatan yang diliberalisasi. Lanjutan daripada itu, keperluan data yang dimohon dapat dijana.

4. Pendekatan metodologi

4.1. Kaedah pelaksanaan

Sejumlah 45 subsektor perkhidmatan yang diliberalisasi telah dipilih berdasarkan senarai daripada CPC Provisional 1991. *Correspondence table* yang telah disediakan oleh UNSD adalah antara CPC Provisional dengan ISIC rev. 3. Sehubungan itu, berdasarkan ISIC rev. 3, Jabatan Perangkaan telah membuat *mapping* kepada ISIC rev. 4 dan seterusnya MSIC 2008 yang bersesuaian. Beberapa siri perbincangan dengan pihak MITI dan agensi yang berkaitan telah diadakan bagi mengesahkan dan mendapatkan

maklum balas cadangan *mapping* MSIC 2008 yang disediakan oleh pihak Jabatan.

Pelaksanaan *mapping* dibuat secara dua peringkat iaitu mengikut:

- i. 27 subsektor - selesai pada Ogos 2011; dan
- ii. 18 subsektor - selesai pada Jun 2012.

4.2. Jadual pelaksanaan

Mapping 45 subsektor perkhidmatan diliberalisasi telah dilaksanakan bermula tahun 2010 dan selesai pada tahun 2012. Data siri mengikut keperluan yang disenaraikan pihak MITI telah mula disusun bermula tahun 2010 sehingga tahun 2014. Data turut dibekalkan kepada pihak MITI dan MIDA mengikut keperluan permintaan dan untuk kegunaan dalaman agensi berkenaan sahaja. Data yang disusun adalah merujuk kepada keseluruhan industri dalam *mapping* MSIC 2008 dan bukannya spesifik *outcome* daripada aktiviti liberalisasi.

5. Hasil dan rumusan

5.1. Hasil/Dapatan kajian

- Jabatan telah menyediakan *mapping* 27 sub-sektor diliberalisasikan kepada 51 industri dalam MSIC 2008;
- Jabatan telah menyediakan *mapping* 18 sub-sektor diliberalisasikan kepada 91 industri dalam MSIC 2008;
- Bahagian telah membentangkan hasil penemuan daripada kajian ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Teknikal Statistik Bil. 2/2014 pada 11 September 2014.
- Antara penemuan utama bagi 45 subsektor perkhidmatan diliberalisasi:
 - i. *Net FDI* bagi tahun 2014 mencapai negatif RM3.5 bilion (2013: RM3.0 bilion);
 - ii. KDNK (harga malar 2010) bagi tahun 2014 mencapai RM152.2 bilion (2013: RM139.6 bilion)
 - iii. Menyumbang 28.1 peratus kepada KDNK sektor perkhidmatan dan 15.0 peratus kepada keseluruhan KDNK tahun 2014;

- iv. Bilangan pertubuhan sebanyak 406,507 pertubuhan; nilai output sebanyak RM261.2 bilion dan bilangan pekerja sebanyak 2,216,562 orang dicatatkan pada tahun 2010 (berdasarkan Banci Ekonomi 2011).

5.2. Tindakan penyelesaian

Penyusunan data bagi 45 subsektor perkhidmatan masih akan diteruskan berdasarkan data tempoh/tahun terkini diperolehi dan akan diselaraskan oleh Bahagian Perangkaan Perkhidmatan.